



Tarikh Kuat kuasa:

Tarikh Pindaan:

Pusat
Tanggungjawab:
RMIC

GARIS PANDUAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

GARIS PANDUAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PEMBIAYAAN AKTIVITI PENGKOMERSIALAN) 2025

DISEDIAKAN OLEH:
PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI,
BAHAGIAN PERUNDANGAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

GARIS PANDUAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(PEMBIAYAAN AKTIVITI PENGKOMERSIALAN)
2025

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Perenggan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF

3. Latar belakang
4. Objektif

BAHAGIAN III

STRUKTUR TADBIR URUS DAN TANGGUNGJAWAB

5. Peranan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti
6. Peranan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
7. Peranan Bendahari
8. Peranan pusat tanggungjawab yang berkaitan
9. Peranan Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta

BAHAGIAN IV

PEMBIAYAAN AKTIVITI PENGKOMERSIALAN

10. Skop Pembiayaan

Perenggan

11. Had siling pembiayaan
12. Tempoh Pembiayaan
13. Kaedah pembayaran balik pembiaayaan

BAHAGIAN V

PERMOHONAN PEMBIAYAAN AKTIVITI PENGKOMERSILAN

14. Syarat permohonan
15. Prosedur permohonan
16. Kriteria penilaian dan kelayakan permohonan pembiayaan
17. Prosedur selepas kelulusan

BAHAGIAN VI

AM

18. Kawalan dalaman
19. Pemantauan
20. Pemakaian

GARIS PANDUAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(PEMBIAYAAN AKTIVITI PENGKOMERSIALAN)
2025

PADA menjalankan fungsi dan peranan mengelola tadbir urus yang terbaik, Universiti Pendidikan Sultan Idris membuat garis panduan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Garis panduan ini boleh dinamakan **Garis Panduan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Pembiayaan Aktiviti Pengkomersialan) 2025.**

(2) Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada.....

Tafsiran

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“agensi” ertinya Kemeterian, Jabatan dan organisasi kerajaan yang menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan, kreativiti dan inovasi dan menerima dana/peruntukan kewangan bagi maksud yang sama;

“industri” ertinya industri di syarikat swasta seperti Government Link Company (GLC), Public Listed Company (PCL), Multi Nasional Company (MNC), Syarikat Sendirian Berhad, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO);

“MJIPU” ertinya Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti iaitu Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Senat Universiti Pendidikan Sultan Idris;

“Pencipta dan Kumpulan Pencipta ” ertinya individu berseorangan atau individu berkumpulan yang telah menyumbangkan keintelektualan untuk sesuatu Harta Intelek

dan termasuk juga pengarang, pencipta rekaan atau pencipta Harta Intelek;

“Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik” ertinya individu berseorangan atau individu berkumpulan yang menjalankan aktiviti keserjanaan secara sistematik dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan baharu;

“TRL 9” ertinya Tahap Kesiapan Teknologi (Technology Readiness Levels - TRL) yang merupakan sistem pengukuran yang digunakan untuk menilai tahap kematangan sesuatu teknologi. Setiap projek teknologi dinilai berdasarkan parameter bagi setiap tahap teknologi dan kemudian diberikan penarafan TRL berdasarkan kemajuan projek tersebut. Terdapat sembilan tahap kesiapan teknologi. TRL 1 adalah yang paling rendah, manakala TRL 9 adalah yang paling tinggi.

“RMIC” ertinya Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris”;

“Universiti” ertinya Universiti Pendidikan Sultan Idris.

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF

Latar belakang

3. (1) Dana pengkomersialan adalah dana dalaman yang berbentuk pembiayaan tanpa faedah kepada penyelidik/pencipta UPSI bagi mengkomersialkan produk penyelidikan ke pasaran di samping menjana pendapatan kepada Universiti.

(2) Pemberian dana ini adalah mengikut perkara 4.1(m) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris 2010 yang memberikan kuasa kepada Universiti untuk memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada pekerja Universiti.

Objektif

4. (1) Objektif pemberian dana ini adalah untuk;

- (a) merealisasikan hasrat Universiti mewujudkan ekosistem pengkomersilan dan melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan penyelidik atau kumpulan penyelidik / pencipta atau kumpulan pencipta Universiti;
- (b) membantu penyelidik atau kumpulan penyelidik / pencipta atau kumpulan pencipta yang mempunyai produk yang telah berada di pasaran bertujuan untuk meningkatkan pemasaran, memperbaiki pembungkusan produk serta meningkatkan mutu dan kualiti produk;
- (c) membantu penyelidik atau kumpulan penyelidik / pencipta atau kumpulan pencipta yang mempunyai produk yang telah tersedia untuk dikomersialkan bagi menyediakan kemudahan penghasilan atau modal untuk dihasilkan pada skala tinggi;
- (d) menampung jurang pembiayaan (funding gap) dalam pembangunan sesuatu inovasi dan teknologi daripada tahap Proof of Concept kepada satu tahap menghasilkan produk atau perkhidmatan yang boleh menarik minat sektor industri atau pelabur;
- (e) menyediakan sokongan dan bantuan dalam bentuk dana pembiayaan kepada para penyelidik atau kumpulan penyelidik / pencipta atau kumpulan pencipta yang berjaya menjalankan aktiviti pengkomersialan melalui spin-off berasaskan harta intelek hasil penyelidikan sehingga berjaya menubuhkan syarikat permulaan (startup company); dan
- (f) meningkatkan pencapaian penarafan MyRA.

BAHAGIAN III

STRUKTUR TADBIR URUS DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti

5. (1) Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti berperanan untuk—

- (a) memastikan Garis Panduan ini dilaksanakan dan dikuatkuasakan sepenuhnya dan hendaklah dari semasa ke semasa atau sekiranya diminta, melaporkan kepada Senat Universiti berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaan Garis Panduan ini;
- (b) meluluskan permohonan Dana Pengkomersialan UPSI berdasarkan syarat permohonan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini;
- (c) memberikan kelulusan untuk penstrukturan semula bayaran balik pembiayaan (sekiranya ada), tertakluk kepada tempoh pembayaran yang telah diluluskan; dan
- (d) mempunyai kuasa untuk menamatkan mana-mana pembiayaan yang telah diluluskan dan lain-lain hal yang berkaitan dengan Dana Pengkomersialan ini.

Peranan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)

6. (1) Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi berperanan untuk—

- (a) menyedia dan menggubal Garis Panduan Dana Pengkomersialan bagi pihak Universiti sebagai rujukan kepada semua pihak yang berkaitan;
- (b) bertanggungjawab sebagai urus setia bagi semua permohonan Dana Pengkomersialan Universiti yang diterima dan mengemukakan kepada MJPIU untuk tujuan kelulusan;
- (c) mengadakan sesi *pitching* dan penilaian ke atas semua permohonan Dana Pengkomersialan Universiti;
- (d) memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan kandungan perjanjian Dana Pengkomersialan Universiti;
- (e) menyediakan draf Perjanjian Dana Pengkomersialan seperti yang telah

digariskan di dalam Garis Panduan ini dan sebagaimana yang telah dipersetujui dengan penerima dana pembiayaan ini;

- (f)* menyedia dan membentangkan laporan prestasi pemantauan Dana Pengkomersialan (termasuk pembayaran balik) dalam MJPIU;
- (g)* berperanan sebagai badan kawal selia dan penyelaras untuk memberi khidmat nasihat, menilai dan memantau penyelidik yang memohon dan menerima pembiayaan ini; dan
- (h)* mengeluarkan surat kelulusan, surat peringatan laporan prestasi (laporan kemajuan dan laporan akhir) dan surat penamatan kepada Penyelidik/Pencipta.

Peranan Bendahari

7. (1) Bendahari berperanan untuk—

- (a)* menerima dan menguruskan pembayaran pengkomersialan dan harta intelek bagi produk inovasi penyelidikan;
- (b)* Membuat pemotongan gaji berdasarkan arahan potongan gaji yang diterima daripada RMIC; dan
- (c)* Melaksanakan arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang diberi kuasa dari semasa ke semasa.

Peranan pusat tanggungjawab yang berkaitan

8. (1) Setiap pusat tanggungjawab adalah berperanan untuk—

- (a)* memastikan permohonan disemak di peringkat fakulti; dan
- (b)* mengemukakan permohonan yang diperakui memenuhi syarat kepada RMIC untuk dibentangkan dalam MJPIU.

Peranan Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta

9. (1) Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta berperanan untuk—

- (a) mengemukakan laporan prestasi pengkomersialan setiap enam (6) bulan mulai tarikh pembiayaan ini diberikan;
- (b) menjelaskan keseluruhan jumlah pembiayaan tersebut mengikut tempoh yang telah ditetapkan di dalam perjanjian;
- (c) menjelaskan semua baki jumlah pembiayaan tersebut sebelum menamatkan perkhidmatan dengan Universiti;
- (d) Sekiranya Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta menamatkan perkhidmatan dengan Universiti atau ditamatkan oleh Universiti sebelum pembiayaan dijelaskan sepenuhnya, Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta hendaklah membayar semua jumlah pembiayaan tersebut atau bakinya secara sekaligus atau mengikut jumlah yang diluluskan oleh Universiti;
- (e) Tidak menggunakan wang pembiayaan ini selain daripada maksud ianya diluluskan seperti di dalam perkara 10 di bawah. Sekiranya digunakan untuk tujuan lain, pembiayaan ini adalah terbatal dan semua wang pembiayaan ini hendaklah dibayar secara sekaligus. Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta memberi kebenaran kepada Universiti atau pihak yang diberi kuasa oleh Universiti untuk menahan gaji dan elaun Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta sehingga ke semua jumlah pembiayaan tersebut dijelaskan.
- (f) Sekiranya berlaku kegagalan projek, Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta hendaklah

bertanggungjawab ke atas kerugian projek tersebut dan membayar balik keseluruhan wang pembiayaan tersebut. Kegagalan tersebut tidak boleh ditafsirkan sebagai pelepasan (waiver) terhadap obligasi Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta yang menerima pembiayaan ini atau sebarang keingkaran (breach) yang lain.

- (g) Semua kos duti setem, apa-apa duti lain, cukai atau fi, takaful dan segala perbelanjaan yang berkaitan dengan perjanjian hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta. Sebarang perbelanjaan yang dituntut oleh RMIC (termasuk fi peguam bagi pihak RMIC) untuk keadaan di mana RMIC terpaksa mengambil tindakan terhadap Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta di bawah garis panduan/ Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar sepenuhnya oleh Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta.

BAHAGIAN IV

PEMBIAYAAN AKTIVITI PENGKOMERSIALAN

Skop pembiayaan

10. (1) Skop pembiayaan aktiviti pengkomersialan adalah meliputi penambahbaikan produk, pembungkusan produk, pemasaran produk, penjenamaan semula produk, ujian di makmal yang memiliki sijil daripada badan bertauliah, permohonan sijil pengiktirafan, penghasilan produk secara banyak (mass production) di atas permintaan pihak yang berminat untuk membeli, penubuhan syarikat permulaan (start up company) dan lain-lain yang berkaitan dengan pengkomersialan produk.

Had siling pembiayaan

11. (1) Jumlah had maksimum pembiayaan adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Ringgit (RM50,000.00) atau tertakluk pada pertimbangan dan kelulusan pengurusan Universiti.

Tempoh pembiayaan

12. (1) Kaedah bayaran balik adalah selepas enam (6) bulan daripada tarikh dana diluluskan (sebarang perubahan tempoh bayaran balik adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan pengurusan Universiti iaitu maksimum dua puluh empat (24) bulan);

(2) Jadual pembayaran balik (tanpa bayaran takaful) seperti berikut:

Jumlah	6 Bulan	12 Bulan	18 Bulan	24 Bulan
RM 5,000	RM 834	RM 417	RM 278	RM 209
RM 10,000	RM 1,667	RM 834	RM 556	RM 417
RM 15,000	RM 2,500	RM 1,250	RM 834	RM 625
RM 20,000	RM 3,334	RM 1,667	RM 1,112	RM 834
RM 50,000	RM 8,334	RM 4,167	RM 2,778	RM 2,083

(3) Bayaran balik jumlah takaful akan dikira bersekali dalam jumlah bayaran ansuran tersebut setelah pengiraan takaful dibuat.

Kaedah pembayaran balik pembiayaan

13. (1) Semua bayaran boleh dibuat melalui cek, bank draf, atau bayaran secara atas talian melalui pindahan ke akaun bank Universiti;

(2) Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta perlu membuat pembayaran balik mengikut tempoh seperti di dalam perjanjian;

(3) Jika Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta ingin membuat bayaran secara sekaligus (*lump sum*), Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta perlu mendapat kelulusan daripada MJIPU terlebih dahulu;

(4) Jika pembayaran balik gagal dijelaskan mengikut tempoh pembayaran yang telah dipersetujui di dalam perkara 11 (2) di atas, tindakan perundangan akan diambil ke atas Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta tersebut.

BAHAGIAN V
PERMOHONAN PEMBIAYAAN AKTIVITI PENGKOMERSIALAN

Syarat permohonan

14. (1) Permohonan adalah terbuka kepada semua kakitangan Universiti yang berwarganegara Malaysia, bertaraf tetap dan telah disahkan jawatan;

(2) Had umur maksimum pemohon yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya masih mempunyai baki lima (5) tahun dalam perkhidmatan sebelum bersara;

(3) Staf yang layak memohon adalah staf yang menjalankan aktiviti pengkomersialan atau perlesenan harta intelek.

(4) Produk/perkhidmatan yang hendak dikomersialkan perlu mempunyai prototaip produk dan dilindungi harta intelek yang didaftarkan atas nama Universiti.

(5) Produk/perkhidmatan yang telah tersedia untuk dikomersialkan perlu disertakan dengan kertas konsep perancangan perniagaan (*business model*) yang boleh dilaksanakan bagi membolehkan produk tersebut dikomersial dan mendapat pulangan hasil (*return of investment*) dalam tempoh 24 bulan.

(6) Pemohon perlu melengkapkan borang Permohonan Dana Pengkomersialan Universiti.

(7) Hasil jualan pengkomersialan hendaklah dimasukkan ke Akaun Universiti Pendidikan Sultan Idris dan dilaraskan ke Akaun Kod Projek Pengkomersialan yang telah didaftarkan.

(8) Penyelidik dan Kumpulan Penyelidik / Pencipta dan Kumpulan Pencipta perlu menyediakan seorang (1) penjamin bagi melengkapkan perjanjian yang akan ditandatangani dengan Universiti.

Prosedur permohonan

15. (1) Permohonan untuk pembiayaan aktiviti pengkomersialan dibuka sepanjang tahun dan tertakluk kepada peruntukan tahun semasa;

(2) Permohonan perlu dikemukakan kepada Pengarah RMIC melalui Dekan Fakulti/Ketua PTj dengan menggunakan Borang Permohonan Dana Pengkomersialan. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak. (pengarah.rmic@upsi.edu.my); dan

(3) Permohonan yang dikemukakan hendaklah dilampirkan bersama dokumen-dokumen berikut iaitu Rancangan Perniagaan seperti yang ditetapkan oleh RMIC dan perjanjian bersama pihak industri atau agensi (MOA) bagi tujuan pengkomersialan termasuklah perjanjian pelesenan yang telah ditandatangani (jika berkaitan).

Kriteria penilaian dan kelayakan permohonan pembiayaan

16. (1) Permohonan yang dicadangkan mestilah mempunyai unsur-unsur teknologi dan/atau inovasi bagi tujuan pengkomersialan dan perkhidmatan.

(2) Permohonan tersebut mestilah telah sedia untuk dikomersialkan dengan memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan di dalam TRL9.

(3) Sesuatu produk/perkhidmatan yang ingin mendapatkan pembiayaan ini perlu mempunyai kriteria berikut:

(a) kertas cadangan mestilah mempunyai ciri-ciri keunikan dan novelti tempatan dalam aspek teknologi / produk / perkhidmatan. Pemohon perlu melaksanakan *due diligence* untuk memastikan teknologi / produk / perkhidmatan yang boleh berdaya saing di pasaran dan boleh dilindungi di bawah Akta Harta Intelek;

- (b) produk/ teknologi/ perkhidmatan mempunyai asas teknologi dan telah mendaftar perlindungan hak harta intelek yang kukuh;
- (c) permohonan akan dinilai berdasarkan kebolehan pemohon untuk melaksanakan projek dengan jayanya dalam jangka masa yang ditetapkan.
- (d) produk yang mempunyai potensi untuk dikomersialkan dan mempunyai prospek pertumbuhan yang jelas;
- (e) perancangan yang terperinci bagi kos produk hendaklah disertakan; dan
- (f) keutamaan diberikan kepada Penyelidik dan Kumpulan penyelidik/Pencipta dan Kumpulan pencipta yang telah mempunyai rakan kongsi dan telah diperakukan oleh MJPIU.

Prosedur selepas kelulusan

17. (1) Permohonan untuk pembiayaan aktiviti pengkomersialan akan diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) selaku pengerusi MJIPU;

(2) Selepas mendapat kelulusan MJPIU, Penyelidik dan Kumpulan penyelidik/Pencipta dan Kumpulan pencipta akan terikat dengan satu perjanjian yang akanditandatangani dan dimati setem (kos setem ditanggung oleh penyelidik) dan dikembalikan kepada urus setia dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan.

(3) Pembelian takaful mengikut jumlah pinjaman dan tempoh pinjaman akan dikira bersekali dengan jumlah pembiayaan yang diluluskan. Pihak PPPI akan menguruskan pembelian takaful tersebut.

(4) Permohonan yang telah memenuhi kesemua proses di atas akan diserahkan ke Pejabat Bendahari untuk proses bayaran.

BAHAGIAN VI

AM

Kawalan dalaman

18. (1) Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi kawalan dalaman pelaksanaan pembiayaan aktiviti pengkomersialan adalah Rancangan Perniagaan seperti yang ditetapkan oleh RMIC, perjanjian bersama pihak industri atau agensi (MoA) bagi tujuan pengkomersialan termasuklah perjanjian pelesenan yang telah ditandatangani (jika berkaitan), minit Mesyuarat MJPIU berkaitan kelulusan permohonan pembiayaan aktiviti pengkomersialan, dokumen Perjanjian di antara UPSI dan Penyelidik dan Kumpulan penyelidik/Pencipta dan Kumpulan pencipta dan Laporan Kemajuan Projek.

Pemantauan

19. (1) Semua projek pengkomersialan yang diluluskan di bawah pembiayaan aktiviti pengkomersialan ini akan dipantau oleh RMIC.

(2) Penyelidik dan Kumpulan penyelidik/Pencipta dan Kumpulan pencipta perlu mengemukakan Laporan Kemajuan mengikut format yang ditetapkan oleh RMIC.

Pemakaian

20. (1) Garis panduan ini terpakai kepada semua Penyelidik dan Kumpulan penyelidik/Pencipta dan Kumpulan pencipta Universiti yang ingin mendapatkan pembiayaan untuk menjalankan aktiviti pengkomersialan.

(2) Garis panduan ini boleh dipinda dari semasa ke semasa tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.

Dibuat pada

[JKPU bil...bertarikh....]